

Dinamika Kecenderungan Pengundi Perlis Pasca Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15

The Dynamics of Perlis Voters' Tendencies After Malaysia's 15th General Election

NORHAFIZA MOHD HED*, SITI NORANIZAH HAFIZAH BOYMAN,
NURUL FIRDAUZ ABD RAHMAN & NOOR HADZLIDA AYOB

Received: 11 February 2025 /Accepted: 10 March 2025

ABSTRAK

Memahami kecenderungan pengundi adalah elemen penting bagi mana-mana parti atau pemimpin politik dalam merangka strategi pilihan raya serta merencanakan pelan pembangunan yang selari dengan kehendak masyarakat. Keperluan ini menjadi lebih signifikan apabila berlaku peralihan kuasa, seperti di Perlis pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), di mana tampuk pemerintahan beralih daripada Barisan Nasional (BN) kepada Perikatan Nasional (PN). Oleh itu, kajian ini menyelidiki kecenderungan pengundi di Perlis, terutamanya di Parlimen Kangar. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif menerusi kajian tinjauan, dengan soal selidik diedarkan kepada 1,901 responden sebagai instrumen utama pengumpulan data. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan peratusan dan analisis min menerusi perisian SPSS 27.0. Dapatan kajian menunjukkan tiga penemuan utama. Pertama, ekspektasi pengundi di Perlis terhadap kerajaan lebih cenderung kepada aspek ekonomi. Majoriti masyarakat, tanpa mengira latar belakang usia, mengharapkan lebih banyak bantuan kewangan, peluang pekerjaan, peningkatan infrastruktur serta kemudahan awam di kawasan ini. Kedua, antara isu utama yang dihadapi oleh penduduk Perlis termasuk kenaikan kos pertanian, pembangunan yang terhad, serta sistem pengangkutan yang tidak efektif. Ketiga, kecenderungan politik pengundi di Perlis menunjukkan sebahagian besar adalah pengundi atas pagar. Namun, mereka cenderung memilih calon atau parti yang dilihat berupaya membangunkan ekonomi dan mengutamakan kebajikan rakyat. Kajian ini memberikan implikasi penting kepada parti-parti politik yang bakal bertanding di Perlis pada PRU16, khususnya dalam memahami keutamaan dan aspirasi pengundi bagi merangka dasar dan strategi yang lebih berkesan.

Kata kunci: kecenderungan; pengundi; calon; pasca pilihan raya; Perlis

ABSTRACT

Understanding voter tendencies is a pivotal consideration for any political party or leader in the formulation of election strategies and the planning of development initiatives that align with public needs. This necessity becomes particularly pronounced during periods of power transition, as exemplified by the governance shift in Perlis during the 15th General Election (PRU15), wherein authority transitioned from Barisan Nasional (BN) to Perikatan Nasional (PN). Consequently, this study investigates voter tendencies in Perlis, placing particular emphasis on the Kangar parliamentary constituency. A quantitative research methodology was employed through a survey study, with questionnaires disseminated to 1,901 respondents serving as the instrument for data collection. The gathered data were subjected to descriptive analysis utilizing percentage and mean analysis via SPSS 27.0 software. The findings yield three significant insights. First, voter expectations in Perlis predominantly revolve around economic issues. Irrespective of the age group, a majority of respondents express a desire for increased financial assistance, enhanced employment opportunities, improved infrastructure, and superior public facilities within the region. Second, the principal challenges confronting residents of Perlis include escalating agricultural costs, insufficient development, and an inadequate transportation system. Third, the political inclinations of voters in Perlis suggest that a substantial portion identifies as swing voters. However, they are inclined to support candidates or parties perceived as capable of fostering economic development and prioritizing public welfare. This study presents critical implications for political parties contesting in Perlis during the 16th General Election (PRU16), particularly regarding the understanding of voter priorities and aspirations to facilitate the development of more effective policies and strategies.

Keywords: tendencies; voters; candidate; post-election; Perlis

PENGENALAN

Dalam konteks negara demokrasi liberal dan maju seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dan Jepun, kajian pilihan raya terutamanya pola pengundian dan kecenderungan pengundi adalah tema popular dan sering dikaji para sarjana. Kajian sarjana menunjukkan bahawa pola pengundian di negara maju semakin kompleks dan dipengaruhi oleh faktor seperti polarisasi politik, globalisasi, penggunaan media sosial, serta peralihan ke arah isu sosial yang lebih inklusif seperti perubahan iklim, hak asasi dan keadilan sosial. Hal ini menyebabkan berlakunya kebangkitan gelombang populisme yang berpunca daripada ketidakpuasan hati pengundi terhadap elit politik (Norris & Inglehart, 2019), sekali gus menyumbang kepada penurunan kepercayaan masyarakat, khususnya pengundi muda kepada institusi politik dan demokrasi (Farthing, 2010). Oleh itu, kajian-kajian di negara maju ini memberikan perspektif penting untuk memahami bagaimana *trend* global ini boleh mempengaruhi tingkah laku pengundi di negara membangun seperti Malaysia. Di Malaysia, kajian kecenderungan pengundi semakin berkembang terutamanya menjelang pilihan raya. Sarjana, penganalisis politik, parti dan pemimpin politik cuba memahami apakah kecenderungan pengundi dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Sokongan pengundi pada pilihan raya bergantung kepada pelbagai faktor seperti kepimpinan negeri, isu setempat dan nasional, kekuatan jentera parti, calon tempatan, pengaruh keluarga, agama, ideologi parti dan sebagainya (Junaidi, 2018). Oleh itu adalah penting untuk sesebuah parti atau pemimpin politik untuk memahami pola pemikiran dan kecenderungan pengundi di sesebuah kawasan bagi mengatur strategi pilihan raya dan merencanakan pelan pembangunan yang sesuai dengan kehendak masyarakat. Dalam konteks negeri Perlis, kajian berkaitan politik dan pilihan raya di negeri ini adalah amat sedikit dan terhad kerana negeri ini berada jauh di bahagian utara dengan jumlah populasi yang kecil dan kurang kawasan pilihan raya sehingga menyebabkan negeri ini dilihat tidak signifikan dalam kajian pilihan raya. Namun, negeri Perlis mempunyai budaya dan logistik politik tersendiri yang menyebabkan negeri ini amat unik dan menarik untuk dikaji. Lebih penting, faktor geografi seperti lokasi dan saiz kawasan DUN dan Parlimen yang kecil dengan jumlah pengundi yang tidak ramai menjadikan gerak kerja parti politik untuk meraih sokongan pengundi adalah lebih mudah berbanding dengan negeri-negeri lain. Oleh itu, kajian ini penting bagi tujuan menyelidiki pola pemikiran dan kecenderungan pengundi di negeri Perlis dalam memilih pemimpin bagi pilihan raya yang akan datang.

Perlis merupakan negeri terkecil di Malaysia, seluas 819 km persegi dengan jumlah populasi dianggarkan seramai 261,900 penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), 2020). Di Perlis, terdapat tiga kawasan Parlimen iaitu P001 Padang Besar, P002 Kangar, dan P003 Arau dengan lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi setiap parlimen (15 DUN). Jumlah pengundi berdaftar di Perlis pada PRU ke-14 ialah seramai 150,221 pengundi. Dari segi komposisi etniknya, majoriti penduduknya berbangsa Melayu atau Bumiputera dengan 88.7%, 7.9% etnik Cina, 1.3% etnik India dan 2.1% lain-lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, DOSM, 2020). Oleh itu, berdasarkan kepada pola pengundian, parti yang sentiasa mendominasi dalam pilihan raya di negeri ini ialah Barisan Nasional (BN). Dalam beberapa siri pilihan raya umum dari tahun 1999, BN terus kekal menguasai kesemua parlimen dan menang majoriti kerusi DUN di Perlis, kecuali pada Pilihan Raya Kecil 1998 di Parlimen Arau yang dimenangi oleh PAS. Namun pada PRU ke-14, BN kehilangan satu kerusi parlimen iaitu parlimen Kangar (P002) kepada Parti Keadilan Rakyat (PKR). Meskipun BN buat pertama kalinya gagal membentuk kerajaan di peringkat persekutuan, namun BN masih mengekalkan momentum kejayaannya di Perlis dengan memenangi

10 daripada 15 kerusi DUN, sekali gus membolehkannya membentuk kerajaan negeri. Ini menunjukkan bahawa negeri Perlis merupakan kubu kuat dan penyumbang kerusi BN di Parlimen.

BN mendapat sokongan penduduk Perlis kerana beberapa faktor. Pertama, faktor pengalaman di mana BN yang memerintah sejak merdeka ditambah pula dengan faktor UMNO yang memperjuangkan kepentingan etnik Melayu membuatkan masyarakat Perlis sudah berasa selesa dengan corak pemerintahan BN di negeri ini dan meneruskan sokongan mereka dalam setiap pilihan raya. Kedua, kerajaan BN di Perlis ini menumpukan kepada masalah setempat dan memastikan masalah ini dapat diselesaikan dengan baik. Selain itu, faktor kredibiliti calon tempatan yang dikenali ramai dan melaksanakan tanggungjawab dengan baik adalah antara faktor yang mendorong kepada kestabilan BN di Perlis. Namun, setiap parti masih perlu berusaha untuk memastikan pengundi di Perlis terus kekal menyokong mereka kerana senario politik Malaysia kini semakin sukar diramal dan sering berubah-ubah bergantung kepada situasi semasa. Misalnya, N15 DUN Sanglang yang merupakan kubu terkuat Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Perlis sejak dari PRU ke-12 lagi. Begitu juga dengan beberapa kawasan DUN lain seperti N08 DUN Indera Kayangan yang telah dikuasai oleh PKR sejak PRU ke-13. Malah dalam PRU ke-14, BN telah kehilangan kawasan DUN Sena (N07) dan DUN Kuala Perlis (N09) kepada PKR, serta DUN Guar Sanji (N13) kepada PAS. Terdapat juga beberapa kawasan DUN BN yang berpotensi untuk ditewaskan oleh PKR dan PAS seperti di DUN Titi Tinggi (N01), Berseri (N02), Kayang (N10), Pauh (N11), Simpang Empat (N14) di mana BN hanya memperoleh majoriti tipis. Selain itu, BN juga bersaing dengan PAS bagi mendapatkan sokongan pengundi di kawasan luar bandar. Manakala di kawasan bandar, kebanyakan pengundi cenderung untuk memilih PKR seperti di Indera Kayangan, Kuala Perlis dan Sena.

Namun, pada Pilihan raya umum ke-15 (PRU15) yang lalu, BN gagal mempertahankan kubu kuatnya iaitu Perlis. Perlis akhirnya jatuh ke tangan Perikatan Nasional (PN) apabila mereka berjaya membentuk kerajaan negeri dengan memperoleh ketiga-tiga kerusi parlimen dan memenangi 14 daripada 15 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Perlis. Ini merupakan kali pertama BN gagal mendapat kerusi DUN mahupun kerusi parlimen dalam pilihan raya di Perlis. Kekalahan teruk BN di Perlis ini didorongi oleh beberapa faktor. Pertama, faktor krisis dalaman BN menyebabkan berlakunya penolakan pengundi Perlis kepada BN. Konflik dalaman BN di Perlis ini telah berlaku sejak tahun 2021 lagi apabila pucuk pimpinan tertinggi BN melantik Menteri Besar Perlis pada waktu itu, Azlan Man sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Perlis bagi menggantikan Shahidan Kassim. Pengguguran Shahidan Kassim sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO dan calon dalam PRU15 ini menimbulkan reaksi kurang senang dalam kalangan ahli jawatankuasa UMNO Arau dan penyokong beliau, sekali gus, mewujudkan perpecahan dalam akar umbi UMNO Perlis. Kedua, percaturan UMNO meletakkan muka baharu dan calon luar seperti Zahida Zarik Khan dan Rozabil Rahman di kerusi parlimen pada PRU15 ini gagal memberikan hasil (Berita Harian, 2022, 20 November). Ini kerana kebanyakan penyokong BN masih memberikan kesetiaan mereka kepada tokoh pemimpin utama Perlis iaitu Shahidan Kassim. Buktinya, pada PRU15 ini, walaupun Shahidan Kassim bertanding atas tiket PN, beliau berjaya mempertahankan kerusi tersebut dengan majoriti undi 23,216, mengalahkan calon dari PH dan BN (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2022). Selain itu, pengundi muda berumur 18 tahun ke atas yang telah dibenarkan untuk mengundi dalam PRU15 juga menjadi penentu utama keputusan pilihan raya di Perlis. Hal ini akan meletakkan parti politik dalam keadaan sukar dan kompleks kerana pengundi muda merupakan golongan atas pagar dan tidak mengidentifikasikan diri mereka kepada mana-mana parti politik (Pandian, 2014). Begitu juga dengan hujah Nazni et al. (2010) yang berpendapat bahawa golongan muda mengundi calon berdasarkan rekod prestasi

mereka. Mereka yang ‘bersih’ daripada sebarang skandal, kronisme, dan rasuah akan lebih cenderung untuk dipilih sebagai pemimpin. Peralihan undi dari BN ke PN ini sangat menarik untuk dikaji. Dengan keadaan politik dan sosioekonomi yang tidak stabil di Perlis, adalah sukar untuk menjangkakan kemenangan parti atau calon pemimpin pada PRU16. Oleh itu, parti atau pemimpin perlu lebih awal mengenal pasti potensi dan strategi untuk meraih sokongan pengundi khususnya pengundi muda dengan mengikut keperluan dan kehendak mereka.

SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan tinjauan kajian-kajian lepas, tidak dinafikan kajian berkaitan pilihan raya dan pola pengundian telah banyak dilaksanakan di Malaysia. Misalnya, kajian Jamaie et al. (2014) yang menganalisis perkembangan pilihan raya di Malaysia dari tahun 1978 hingga tahun 2013. Terdapat banyak perubahan yang berlaku dalam pilihan raya sepanjang rentang waktu ini kerana wujud persaingan politik antara BN dan parti oposisi sehingga menyebabkan terhakisnya dua pertiga majoriti BN dalam parlimen. Selain daripada kajian pilihan raya yang memfokuskan kepada Malaysia secara keseluruhan, terdapat juga kajian yang spesifik kepada negeri atau kawasan parlimen tertentu. Contohnya, kajian Junaidi (2020) yang menyelidiki geografi politik dalam pilihan raya kecil Tanjung Piai, Johor pada 16 November 2019. Dapatan kajian ini menunjukkan kegagalan Pakatan Harapan (PH) menyelesaikan isu berbangkit rakyat seperti kenaikan kos sara hidup, tidak memenuhi manifesto pilihan raya dan kepincangan dalam PH sendiri menyumbang kepada kekalahan mereka di Tanjung Piai. Selain itu, kajian oleh Suffian et al. (2013) tentang pilihan raya di Sibu, Sarawak juga penting dalam melihat pola pengundian etnik Cina yang sangat dominan dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya. Kajian ini berbeza dengan kajian Mohammad Tawfik (2019) yang mengkaji tentang isu-isu dominan dalam kalangan masyarakat Melayu pada PRK Dun Semenyih. Kejayaan BN dalam PRK ini adalah rentetan daripada tidak-puasan hati orang Melayu kepada kerajaan PH kerana tekanan kos sara hidup, isu perkauman dan kegagalan PH menunaikan janji-janji mereka.

Kajian berkaitan dengan persepsi masyarakat menjelang pilihan raya juga telah banyak dilakukan oleh sarjana. Antaranya ialah kajian Mohd Fuad et al. (2012) yang mengkaji tentang pandangan masyarakat di Batang Air, Sarawak terhadap pilihan raya. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ramalan pengundi di kawasan ini bahawa BN akan memenangi pilihan raya adalah tepat. Ini kerana pada PRU ke-12, BN memenangi kerusi di parlimen ini dengan peningkatan majoriti yang sangat tinggi kerana faktor agenda pembangunan yang telah direncanakan. Kajian yang sama turut dilakukan oleh Yazid et al. (2020) berkaitan dengan pola sokongan pengundi muda dalam pilihan raya umum ke-14. Pola sokongan pengundi muda pada pilihan raya ini menunjukkan golongan muda mempunyai perspektif sendiri dalam memilih calon pilihan raya kerana persepsi mereka dibentuk oleh maklumat yang diperolehi daripada media sosial.

Meskipun telah banyak kajian pilihan raya dan pengundian yang dilakukan oleh para sarjana sama ada memfokuskan kepada konteks nasional, tempatan dan persepsi masyarakat, namun masih kurang dan terhad kajian seperti ini dilakukan di negeri Perlis. Kajian sedia ada seperti kajian Mohd Amirul (2002), Junaidi (2018) dan Affendi (2023) adalah berkisar tentang kajian pilihan raya di Perlis dan kawasan DUN di Perlis. Kajian Mohd Amirul (2002) yang menganalisis PRK Dun Indera Kayangan pada tahun 2002 menunjukkan bahawa pengundi lebih memfokuskan kepada isu pembangunan setempat seperti menaik taraf kemudahan awam dan

infrastruktur di kawasan tersebut agar penduduk dapat menggunakannya dengan selesa secara berterusan. Selain itu, kajian Junaidi (2018) yang menyelidiki tentang geografi politik di Perlis mendapati bahawa Perlis mempunyai keunikan dan budaya politik tersendiri, namun kerana faktor kawasan pilihan raya dan pengundi yang kecil menyebabkan kurangnya sarjana yang mengkaji tentang negeri ini. Kajian Affendi (2023) sedikit berbeza kerana kajian ini memfokuskan kepada kecenderungan politik pengundi muda di Perlis. Dapatan kajian ini dengan jelas menunjukkan kecenderungan pengundi muda di Perlis untuk mengambil berat tentang dasar-dasar parti serta ciri-ciri calon yang mempunyai latar belakang yang baik dari segi personaliti, integriti, dan pengalaman kepimpinan. Isu-isu tempatan dan nasional juga menjadi perhatian pengundi muda di Perlis seperti peluang pekerjaan, kos sara hidup, dan peluang pendidikan.

Secara keseluruhannya, kesemua kajian di atas adalah relevan dengan kajian ini kerana membincangkan tentang pilihan raya dan persepsi masyarakat menjelang pilihan raya sama ada di peringkat nasional atau tempatan. Di sebalik kekuatan, wujud juga kekurangan dalam kajian-kajian lepas ini iaitu para sarjana gagal membincangkan dengan lebih komprehensif menerusi bukti empirikal tentang pola pemikiran dan kecenderungan pengundi di Perlis. Oleh itu, penyelidikan ini dilihat berbeza daripada kajian-kajian sedia ada dalam beberapa aspek: Pertama, penyelidikan ini membincangkan mengenai profil pengundi di Perlis dengan melihat kepada analisis demografi. Kedua, kajian ini juga menumpukan kepada pola pemikiran dan kecenderungan pengundi khususnya pengundi muda yang jelas akan menjadi penentu kepada keputusan pilihan raya akan datang. Oleh itu, kelompok-kelompok ini akan diisi oleh kajian ini bagi membantu parti dan pemimpin politik merangka manifesto dan merencanakan pelan pembangunan selaras dengan hasrat pengundi Perlis.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian tinjauan menerusi instrumen soal selidik secara bersemuka dan dalam talian yang bertujuan untuk mengenal pasti kecenderungan pengundi dalam memilih pemimpin dalam pilihan raya di Perlis. Terdapat tiga parlimen di Perlis iaitu parlimen Padang Besar (P001), parlimen Kangar (P002) dan parlimen Arau (P003). Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memilih parlimen Kangar (P002) berdasarkan kepada justifikasi bahawa Kangar merupakan bandar terbesar di Perlis yang mempunyai populasi terbesar dan mewakili ciri-ciri masyarakat Perlis secara menyeluruh seperti bandar-luar bandar, jantina dan kelompok umur berbeza, yang dapat memenuhi objektif kajian.

Seramai 1901 responden telah dipilih secara rawak berstrata untuk terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas. Ini kerana pelaksanaan Undi18 pada PRU ke-15 menjadikan undi kelompok pengundi muda ini sangat signifikan. Selain itu, kuota umur, jantina dan bangsa juga digunakan untuk menghasilkan komposisi demografi yang tepat dengan jumlah penduduk di Parlimen Kangar. Pengumpulan data telah dilaksanakan pada Jun 2022 sehingga Februari 2023, sebelum dan selepas berlangsungnya PRU ke-15. Namun begitu, data ini masih boleh digunakan bagi menganalisis pandangan penduduk Perlis, khususnya parlimen Kangar untuk membuat jangkaan atau persediaan awal PRU ke-16. Secara keseluruhannya, jumlah populasi penduduk di Kangar ialah seramai 100,755 orang (DOSM, 2020). Penentuan bilangan responden adalah berdasarkan kepada saiz sampel purata piawaian seperti yang dicadangkan oleh Krejcie & Morgan (1970) iaitu seramai 384. Namun, kajian ini memilih 10 peratus daripada jumlah populasi sebenar sebagai sampel kajian bagi membolehkan

generalisasi ke atas keseluruhan populasi Perlis dapat dilakukan. Selain itu, soal selidik ini telah diedarkan kepada lima dun di parlimen Kangar, seperti berikut:

JADUAL 1. Pecahan Sampel mengikut DUN

Dewan Undangan Negeri (DUN)	%	n
N06 BINTONG	20.0%	381
N07 SENA	19.9%	378
N08 INDERA KAYANGAN	20.3%	385
N09 KUALA PERLIS	19.9%	379
N10 KAYANG	19.9%	378
Jumlah Keseluruhan	100%	1901

Data yang diperoleh dari soal selidik ini dianalisis secara analisis deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) 27.0. Analisis dekriptif iaitu peratusan, kekerapan, analisis min dan analisis silang digunakan bagi menganalisis aspirasi pengundi Perlis, khususnya pengundi muda, mengenal pasti isu-isu nasional dan tempatan yang terdapat di Perlis dan menilai kecenderungan pengundi untuk memilih pemimpin dan parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya. Berikut merupakan jadual interpretasi min yang diadaptasi daripada Landell (1997) bagi mengukur skor min.

JADUAL 2. Interpretasi Skor Min

Julat Skor Min	Tahap / Interpretasi Min
1.00 ke < 2.33	Rendah
2.34 ke < 3.67	Sederhana
3.68 ke <= 5.00	Tinggi

ANALISIS DAPATAN

Bahagian ini menganalisis dapatan kajian yang diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan secara bersemuka dan dalam talian kepada penduduk Kangar. Dapatan ini dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu dapatan berkaitan profil penduduk Kangar, isu-isu yang dihadapi penduduk, ciri-ciri calon pemimpin yang dipilih dalam pilihan raya dan usaha yang boleh dilakukan bagi meningkatkan kredibiliti calon pemimpin di Perlis. Perbincangan ini penting untuk melihat kecenderungan pengundi dalam memilih calon pemimpin di Perlis, sekali gus mengetahui usaha-usaha yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan kredibiliti pemimpin yang bakal bertanding dalam pilihan raya akan datang, khususnya di Kangar. Pada bahagian pertama ini, beberapa item telah dianalisis untuk mengenal pasti profil politik penduduk Perlis, terutamanya masyarakat Kangar dari segi pandangan mereka tentang keadaan sosioekonomi negara dan tempatan, akses kepada maklumat politik serta jangkaan mereka terhadap pilihan raya.

Jadual 3 di bawah menunjukkan demografi responden kajian yang dibahagikan kepada beberapa indikator seperti jantina, umur, kumpulan etnik, tahap pendidikan dan lain-lain indikator yang sesuai untuk menganalisis kecenderungan pengundi di Kangar. Jika dianalisis aspek demografi, bilangan perempuan sedikit tinggi berbanding dengan jumlah lelaki sebanyak 0.6% kerana jumlah populasi sebenar perempuan di Kangar, Perlis ialah 50.5% (50,880), manakala

jumlah lelaki ialah 49.5% (49,875). Oleh itu, jumlah sampel mengikut jantina mencerminkan populasi sebenar penduduk Perlis mengikut jantina. Bagi demografi umur pula, kategori belia iaitu mereka yang berumur sekitar 18 hingga 30 tahun adalah lebih tinggi kerana golongan belia di Perlis mewakili sebanyak 34% daripada jumlah keseluruhan populasi penduduk Perlis. Manakala, bagi kumpulan etnik, etnik tertinggi ialah Melayu atau Bumiputera kerana 88.8% daripada populasi sebenar merupakan etnik Melayu atau Bumiputera. Selain itu, 81.8% penduduk Kangar juga memiliki pendidikan tinggi iaitu kebanyakannya adalah lepasan SPM, mempunyai diploma atau STPM dan Ijazah Sarjana Muda. Bagi pendapatan isi rumah tertinggi di Kangar adalah sekitar RM 5000 dan ke atas iaitu mereka yang bekerja sebagai kumpulan profesional di sektor awam dan swasta. Jumlah pendapatan isi rumah terendah iaitu RM 500 ke bawah juga menunjukkan peratusan tinggi (13.3%). Kebanyakan yang berada di dalam kelompok isi rumah ini ialah mereka yang berada di dalam sektor perladangan dan perikanan seperti petani, peladang, pekebun dan juga nelayan. Di Perlis, sektor ekonomi terbesar yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara ialah sektor perkhidmatan (70.2%), diikuti dengan sektor perladangan (16.9%) (Bahagian Perancang Ekonomi Perlis, 2022). Oleh itu dapat dilihat bahawa pekerjaan yang paling banyak mendominasi di Kangar ini ialah pekerja profesional kerajaan, swasta, petani, nelayan dan juga pelajar (69.7%). Bagi status pengundian pula, lebih separuh (56.5%) daripada jumlah keseluruhan responden adalah pengundi kali pertama pada PRU ke-15.

JADUAL 3. Ciri-ciri Sosiodemografi

(N=1901)	%	%	%	%	%	%	%	%	%
Jantina	Lelaki (49.7)	Perempuan (50.3)							
Umur	18-20 (27.2)	21-24 (18.7)	25-30 (16.5)	31-35 (8.8)	36-40 (8.5)	41-45 (7.8)	46-50 (4.2)	50 ke atas (8.3)	
Kumpulan Etnik	Melayu / Bumiputera (84.5)	Cina (9.5)	India (4.2)	Lain-lain (1.8)					
Tahap Pendidikan	Tidak Bersekolah (3.3)	Sekolah Rendah (2.7)	Sekolah Menengah (7.6)	Lepasan SPM (29.5)	Dip/ STPM (29.7)	Ijazah (22.6)	Pasca Ijazah (4.6)		
Pendapatan Isi Rumah (RM)	500 ke bawah (13.3)	501-1000 (8.0)	1001-1500 (15.0)	1501-2000 (10.7)	2001-3000 (12.9)	3001-4000 (11.9)	4001-4500 (4.9)	4501-5000 (5.6)	5000 Ke atas (17.7)
Pekerjaan	Kerajaan (17.9)	Swasta (16.9)	Bekerja Sendiri (17.1)	Petani (1.7)	Nelayan (0.5)	Buruh (0.7)	Surirumah (4.7)	Pelajar (32.0)	Pesara (3.0)
Taraf Perkahwinan	Tidak Bekerja (5.5)	Belum Berkahwin (57.2)	Berkahwin (38.2)	Berceraai (4.6)					
Status Pengundi	Kali Pertama (56.5)	Kali kedua (13.8)	Kali Ketiga (9.7)	Lebih dari 3x (20.0)					

Jika dianalisis secara penjadualan silang antara status pengundi dengan umur (rujuk jadual 4), pengundi kali pertama ini majoritinya adalah dalam kalangan pengundi muda yang berumur dari 18 ke 24 tahun (77.7%). Manakala pengundi kali kedua rata-ratanya dalam kalangan responden yang berumur 25 hingga 35 tahun (68.6%) dan pengundi yang melebihi tiga kali

pengundian ialah pengundi yang berusia lebih 51 tahun (35.5%). Jumlah pengundi kali pertama ini selari dengan pertambahan jumlah pengundi baharu iaitu sebanyak 34.0% pada PRU ke-15, dan daripada jumlah ini, 3.8 juta ialah golongan muda berusia 18 tahun (Berita Harian, 2022, 13 Ogos). Ini kerana pelaksanaan undi 18 tahun telah memberi peluang kepada belia untuk melibatkan diri dalam arena politik dan menyumbang kepada pembangunan negara.

JADUAL 4. Analisis silang Status Pengundian dengan Umur

N=1901 (%)				
	Kali Pertama (n=999)	Kali Kedua (n=261)	Kali Ketiga (n=183)	Lebih dari 3 kali (n=378)
18-20 tahun	44.3	1.9	0.0	0.0
21-24 tahun	33.4	5.0	3.3	0.0
25-30 tahun	17.3	41.0	9.3	4.2
31-35 tahun	1.9	27.6	26.8	9.0
36-40 tahun	1.2	13.8	25.7	17.5
41-45 tahun	0.9	6.1	23.5	21.4
46-50 tahun	0.4	3.1	6.0	12.4
51 tahun dan ke atas	0.6	1.5	5.4	35.5

Jadual 5 di bawah menunjukkan pandangan penduduk Kangar terhadap keadaan semasa sosioekonomi negara. Secara keseluruhannya, lebih separuh (65.3%) daripada penduduk Kangar merasakan ekonomi negara kian merosot. Namun apabila ditanya tentang pandangan mereka tentang ekonomi Perlis, hanya sedikit perbezaan peratusan antara pandangan masyarakat Kangar terhadap ekonomi. Seramai 31.8% menyatakan bahawa ekonomi tempatan semakin merosot. Namun, 30.2% masyarakat Kangar bersetuju bahawa ekonomi tempatan tidak berubah sebelum dan selepas pandemik. Ini menunjukkan bahawa walaupun ekonomi nasional merosot kerana kenaikan kos sara hidup, namun ekonomi tempatan masih kekal stabil dan tidak menjejaskan penduduk Perlis, terutamanya di Kangar.

JADUAL 5. Pandangan tentang Sosioekonomi Negara dan Ekonomi Perlis

N=1901		Kekerapan	Peratusan (%)
Ekonomi Negara Secara Keseluruhan	Meningkat	350	18.5
	Merosot	1242	65.3
	Tidak Berubah	206	10.9
	Tidak Tahu	103	5.3
Ekonomi Tempatan Secara Keseluruhan	Meningkat	555	29.23
	Merosot	605	31.8
	Tidak Berubah	574	30.2
	Tidak Tahu	167	8.8
	Jumlah	1901	100.0

JADUAL 6. Akses kepada Maklumat Politik

N=1901		Kekerapan	Peratusan (%)
Media Pilihan	Media Sosial	81.9	1556
	Televisyen	68.8	1308
	Surat Khabar	38.6	734
	Radio	34.2	651
	Banner	16.6	315
	Portal parti	8.1	154
	Portal YB	9.1	173
	Poster	14.6	277
	Papan LED/Billboard	12.0	228
Media Sosial Pilihan	Facebook	55.3	1052
	Twitter	15.8	300
	Instagram	38.5	732
	TikTok	44.2	840
	YouTube	37.0	703
	Tiada	6.6	126

Secara keseluruhan, analisis dalam jadual 6 di atas menunjukkan saluran media yang sering digunakan pengundi Kangar untuk memperoleh maklumat politik ialah media sosial (82.0%), diikuti dengan televisyen (68.8%) dan surat khabar (38.6%). Ini menunjukkan bahawa pengundi di Kangar memilih media sosial berbanding dengan media konvensional seperti televisyen, akhbar dan lain-lain. Antara tiga platform aplikasi sosial utama yang sering digunakan oleh pengundi Kangar untuk mendapatkan maklumat politik ialah *Facebook* (55.3%), *TikTok* (44.2%) dan *Instagram* (38.5%).

JADUAL 7. Jangkaan Parti Politik yang akan menang dalam Pilihan Raya

N=1901		Kekerapan	Peratusan (%)
Jangkaan Parti Politik	UMNO/BN	552	29.2
	Parti Islam SeMalaysia (PAS)	151	8.0
	PKR/PH	177	9.4
	Bebas	147	7.8
	Tidak Tahu	874	45.6
	Jumlah	1901	100.0

Jadual 7 di atas menjelaskan tentang jangkaan parti politik yang akan memenangi pilihan raya di Perlis dan membentuk kerajaan negeri apabila berlaku pilihan raya kelak. Dapatan menunjukkan hampir separuh (45.6%) responden tidak tahu atau tidak pasti dengan jawapan yang

diberikan. Ini bermaksud ramai dalam kalangan responden yang berada dalam kelompok atas pagar—pengundi neutral yang tidak berpihak kepada mana-mana parti politik (Mohd Azmir & Afi Roshezry, 2022). Namun, diantara parti-parti politik utama yang sering mendominasi dalam pilihan raya di Perlis, khususnya di Kangar, masyarakat di parlimen ini menjangkakan parti UMNO/BN berpotensi untuk menang (29.2%) berbanding dengan PKR/PH (9.4%), PAS (8.0%) dan Bebas (7.8%).

Jadual 8 merumuskan tentang isu-isu setempat yang dihadapi oleh pengundi Perlis, terutamanya di Kangar. Secara keseluruhan, terdapat satu isu utama yang membimbangkan masyarakat Kangar iaitu petani di kawasan ini sering menghadapi isu kenaikan kos pertanian (min: 3.72; s.p: 0.909) seperti kenaikan harga baja, racun, peralatan pertanian dan sebagainya. Sebagaimana yang diketahui, sektor pertanian merupakan salah satu komponen penting dalam ekonomi negeri Perlis, dengan kebergantungan utamanya kepada tanaman padi, buah-buahan, penternakan dan agrikultur (Bahagian Perancang Ekonomi Perlis, 2022). Namun, cabaran seperti kenaikan kos input, perubahan iklim, dan pembangunan infrastruktur yang terhad memerlukan strategi sokongan berterusan daripada kerajaan dan pihak berkepentingan untuk memastikan daya saing sektor ini. Manakala, isu-isu lain seperti pembangunan ekonomi, isu perpaipan, pengangkutan, dan alam sekitar berada pada tahap sederhana.

JADUAL 8. Isu-isu Setempat yang dihadapi di Kangar

Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Petani di kawasan Kangar sering menghadapi Isu kenaikan kos pertanian seperti baja, racun dan lain-lain.	2.2%	4.2%	31.7%	40.5%	21.5%	3.72	.909	Tinggi
Perkembangan pembangunan yang terhad khususnya dalam pembinaan infrastruktur industri perniagaan seperti pusat membeli belah dan sebagainya.	2.6%	10.5%	24.0%	40.9%	22.0%	3.66	1.007	Sederhana
Sektor perlancongan yang kurang berkembang berbanding kawasan lain.	3.6%	13.2%	21.5%	39.5%	22.3%	3.60	1.069	Sederhana
Kualiti pengangkutan awam di Kangar berada pada tahap yang rendah.	4.5%	16.5%	24.6%	33.7%	20.7%	3.45	1.106	Sederhana
Kerajaan negeri menguruskan bencana di Kangar dengan baik.	4.8%	11.6%	30.4%	39.5%	13.6%	3.43	1.007	Sederhana

Kawasan saya menghadapi masalah air disebabkan berlakunya isu perpaipan yang tidak sistematik.	9.3%	17.7%	18.9%	33.9%	20.2%	3.33	1.246	Sederhana
Nelayan di kawasan Kangar menghadapi isu pencerobohan daripada pihak luar.	5.2%	6.9%	51.2%	24.3%	12.4%	3.28	1.350	Sederhana
Nelayan di kawasan Kangar kurang mendapat bantuan daripada pihak kerajaan negeri.	3.2%	8.5%	52.2%	23.9%	12.2%	3.28	.907	Sederhana
Pihak kerajaan pantas memberikan respon terhadap isu tempatan yang berlaku	8.5%	16.3%	25.4%	35.5%	14.2%	3.28	1.150	Sederhana
Kawasan Kangar sering menghadapi isu pencemaran alam sekitar.	7.0%	21.2%	31.6%	28.0%	12.1%	3.18	1.091	Sederhana
Isu hak pemilikan tanah dan pemegang Lesen Pendudukan Sementara (POL).	7.4%	9.3%	55.3%	19.9%	8.1%	3.08	.926	Sederhana

Jadual 9 merumuskan ciri-ciri calon pemimpin yang diinginkan oleh pengundi di Kangar pada pilihan raya akan datang. Antara tiga ciri-ciri utama pemimpin berdasarkan skor min ialah pemimpin yang mengutamakan kebajikan rakyat (Min: 4.53; s.p: 0.692), menampilkan imej bersih dan bebas dari rasuah (Min: 4.53; s.p: 0.743), dan mesra rakyat serta sering turun padang bertemu masyarakat (Min: 4.51; s.p: 0.709). Ciri-ciri lain yang juga mendapat penilaian tinggi termasuk memberi peluang kepada golongan belia, menunaikan janji manifesto, serta mempunyai latar belakang pendidikan dan agama yang baik. Secara keseluruhannya, pengundi cenderung memilih pemimpin yang berkaliber tanpa mengira kaum, agama, atau parti, menunjukkan harapan terhadap kepimpinan yang adil, bertanggungjawab, dan mesra rakyat.

JADUAL 9. Ciri-ciri Calon Pemimpin

Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Mengutamakan kebajikan rakyat.	0.4%	1.0%	2.9%	33.8%	61.8%	4.53	.692	Tinggi
Menampilkan imej bersih dan bebas dari rasuah	0.9%	1.4%	4.0%	30.5%	63.2%	4.53	.743	Tinggi
Mesra rakyat dan sering turun padang bertemu masyarakat.	0.5%	0.8%	4.7%	32.4%	61.6%	4.51	.709	Tinggi

Mudah dihubungi atau berkomunikasi	0.6%	1.6%	4.8%	32.7%	60.3%	4.49	.730	Tinggi
Berupaya menunaikan janji dalam manifesto	1.2%	1.4%	5.6%	34.6%	57.2%	4.41	.809	Tinggi
Memberi peluang kepada golongan belia atau remaja.	1.2%	2.7%	7.0%	40.8%	48.3%	4.36	1.468	Tinggi
Calon yang berkaliber tanpa mengira kaum, agama dan parti.	2.2%	3.1%	7.2%	31.2%	56.2%	4.35	.900	Tinggi
Calon yang mempunyai latar belakang agama sesuai menjadi pemimpin	1.7%	2.5%	9.3%	35.1%	51.4%	4.29	.896	Tinggi
Saya cenderung memilih pemimpin yang berpendidikan tinggi	2.0%	3.5%	11.1%	39.2%	44.1%	4.21	1.125	Tinggi
Anak tempatan Kangar Mengundi parti yang telah pilih sebelum ini	3.8%	4.8%	9.8%	40.8%	40.8%	4.11	1.366	Tinggi
	5.1%	9.1%	30.5%	27.8%	27.5%	3.58	1.119	Sederhana
Saya tertarik kepada pemimpin yang berusia.	12.5%	15.9%	24.6%	24.3%	22.8%	3.24	1.285	Sederhana
Memilih calon yang cenderung kepada etnik tertentu.	25.7%	16.0%	15.1%	19.9%	23.3%	2.99	1.492	Sederhana

Jadual 10 menyenaraikan kedudukan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh calon pemimpin untuk meningkatkan kredibiliti mereka dalam pilihan raya berdasarkan min dan sisihan piawai bagi setiap item yang dinilai. Faktor yang mendapat penilaian tertinggi adalah penambahbaikan infrastruktur (min: 4.53; s.p: 0.629), diikuti dengan usaha meningkatkan kebajikan rakyat (min: 4.50, s.p: 0.662) dan keupayaan calon untuk mengubah nasib orang tempatan menjadi lebih baik (min: 4.48; s.p: 0.685). Selain itu, keterampilan calon dalam berinteraksi dengan masyarakat seperti bersikap peramah, mudah dihubungi (min: 4.46; s.p: 0.685), dan kerap turun padang (min: 4.45; s.p: 0.705) turut mendapat skor tinggi. Pembangunan eko pelancongan (min: 4.44; s.p: 0.697), fasiliti sukan dan rekreasi (min: 4.40; s.p: 0.717), serta fasiliti keagamaan (min: 4.34; s.p: 0.782) juga dianggap penting dalam meningkatkan kredibiliti calon. Pengalaman dalam politik tempatan turut dihargai dengan skor min yang sama (min: 4.34; s.p: 0.787). Walau bagaimanapun, populariti calon di media sosial mendapat skor paling rendah (min: 3.43; s.p: 1.331) dengan interpretasi sederhana, menunjukkan bahawa faktor ini kurang memberi kesan berbanding elemen lain dalam menentukan kredibiliti calon. Secara keseluruhannya, usaha yang menekankan pembangunan fizikal dan kesejahteraan masyarakat lebih dihargai berbanding aspek populariti calon di media sosial.

JADUAL 10. Usaha Meningkatkan Kredibiliti Calon Pilihan Raya

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Menambahbaik infrastruktur (Cth: Jalan Raya, Internet, perparitan)	4.53	.629	Tinggi
Meningkatkan Kebajikan rakyat (Kemalangan, Kematian, Bencana, Keluarga Asnaf dan Miskin, Peluang Pekerjaan, Musibah, Kecemasan)	4.50	.662	Tinggi
Berupaya mengubah nasib orang tempatan menjadi lebih baik	4.48	.685	Tinggi
YB perlu peramah dan mudah dihubungi	4.46	.685	Tinggi
YB perlu kerap turun padang bertemu masyarakat.	4.45	.705	Tinggi
Membangunkan eko pelancongan di kawasan Kangar	4.44	.697	Tinggi
Membangunkan fasiliti sukan dan pusat rekreasi	4.40	.717	Tinggi
Membangunkan fasiliti keagamaan (Cth: Masjid, kuil, tokong).	4.34	.782	Tinggi
YB perlu mempunyai pengalaman dalam politik tempatan	4.34	.787	Tinggi
Rakyat Kangar perlu seorang YB yang popular di media sosial.	3.43	1.331	Sederhana

PERBINCANGAN

Kajian ini memfokuskan kepada kecenderungan pengundi Perlis, terutamanya di Kangar, dalam memilih calon pemimpin pada pasca PRU15. Secara keseluruhannya, terdapat lima dapatan utama yang diperolehi daripada kajian ini. Pertama, dari aspek pandangan pengundi di Kangar tentang ekonomi semasa negara dan tempatan, secara rumusannya, mereka merasakan ekonomi negara semakin merosot. Kemerosotan ekonomi negara ini berkait dengan beberapa faktor seperti pemulihan pasca pandemik COVID-19, peningkatan kos sara hidup, krisis geopolitik dan ketidaktentuan pertumbuhan (Utiti, 2024). Meskipun negara telah berjaya pulih daripada krisis pandemik, namun krisis geopolitik dan ketidaktentuan global memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi. Akibatnya, berlaku lonjakan harga barangan dan perkhidmatan yang membebaskan masyarakat. Walaupun pengundi di Kangar mengakui bahawa terdapat kemerosotan dalam ekonomi tempatan, namun hanya sedikit perbezaan peratusan (1.6%) dengan mereka yang merasakan bahawa ekonomi tempatan tidak berubah sebelum dan selepas pandemik. Ini menunjukkan bahawa walaupun ekonomi nasional merosot kerana kenaikan kos sara hidup, namun ekonomi tempatan masih kekal stabil dan tidak menjejaskan penduduk Perlis, terutamanya di Kangar. Kedua, dari segi akses kepada maklumat politik, kebanyakan pengundi di Kangar lebih tertarik menggunakan media sosial (82.0%), terutamanya *Facebook* berbanding dengan saluran konvensional. Dapatan ini selari dengan kajian-kajian seperti Mohd Faizal (2024), Siti Nurshahidah et al (2024), Noriza & Normah (2024), Fairuz et al (2023) yang juga mendapati bahawa pada PRU15, kebanyakan pengundi, terutamanya pengundi muda lebih kerap mengakses media sosial bagi mendapatkan maklumat politik. Ketiga, isu setempat yang dihadapi oleh pengundi di Kangar berkait dengan isu ekonomi, khususnya kenaikan kos pertanian seperti kenaikan harga baja, racun, peralatan pertanian dan sebagainya. Meskipun terdapat sarjana yang menyatakan bahawa politik pembangunan tidak lagi relevan untuk menarik sokongan pengundi di Malaysia (Kessler, 2000; Zubaidah, 2009, Ilyas, 2022), namun, dapatan ini menunjukkan sebaliknya. Realitinya, pengundi di Malaysia, khususnya pengundi luar bandar dan juga pengundi muda masih merasakan bahawa pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat perlu diberi

keutamaan oleh parti politik kerana ia boleh memberi pengaruh yang besar kepada undi mereka dalam pilihan raya (Junaidi, 2022; Affendi, 2023).

Selain itu, ciri-ciri calon pemimpin yang bertanggungjawab mengutamakan kebajikan masyarakat, berintegriti dan bebas rasuah, mesra, mudah didekati adalah antara pakej calon pemimpin yang diinginkan oleh pengundi Kangar pada pilihan raya akan datang. Ini bermaksud faktor personaliti calon memainkan peranan yang sangat penting dalam menarik undi pengundi di Perlis, khususnya di Kangar. Dapatan kajian ini selari dengan hasil kajian Junaidi et al (2012) di Sarawak yang mendapati bahawa pengundi di sana memilih pemimpin yang berpersonaliti baik iaitu calon yang berfikiran terbuka, mudah didekati dan sering ‘turun padang’ bertemu dengan masyarakat setempat. Jika dilihat pada PRU15 yang lalu, calon dari parti Perikatan Nasional (PN) iaitu YB Tuan Zukri Hassan berjaya mengenyampingkan calon-calon lain iaitu Datuk Fathul Bari Mat Jahya (BN), Noor Amin Ahmad (PH), Nur Sulaiman Zolkapli (GTA) dan Rohimi Shapiee (Warisan) di P002 Parlimen Kangar, Perlis. Berkemungkinan faktor personaliti beliau sebagai seorang bekas guru menjadi salah satu faktor tarikan kepada pengundi di Kangar. Dari segi usaha yang boleh dilakukan bagi meningkatkan kredibiliti calon pemimpin pada pilihan raya akan datang, pengundi Perlis lebih menekankan pembangunan fizikal dan kesejahteraan masyarakat berbanding aspek populariti calon di media. Antara pembangunan yang diharapkan dapat dilakukan oleh calon akan datang ialah penambahbaikan infrastruktur untuk kemudahan masyarakat seperti jalan raya, jaringan internet dan sistem perparitan yang sempurna. Kajian ini menyokong hujah Rashila (2002) dan Azman et al (2016) yang menunjukkan bahawa pembangunan infrastruktur dan sumbangan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh kerajaan kepada penduduk FELDA adalah cara terbaik untuk mengekalkan sokongan mereka kepada kerajaan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menyelidiki kecenderungan pengundi di Perlis dalam memilih calon pemimpin pada pasca PRU15. Menerusi pendekatan kuantitatif menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada seramai 1901 responden dalam kalangan masyarakat di Kangar yang berumur 18 tahun dan ke atas, hasil kajian ini merumuskan dapatan utama iaitu faktor ekonomi seperti kos sara hidup, peluang pekerjaan, pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam adalah faktor penting dalam menarik pengundi Perlis, terutamanya pengundi di Kangar. Pengundi Kangar, khususnya pengundi muda tidak mengidentifikasikan undi mereka kepada mana-mana parti politik dan lebih bersikap atas pagar dalam memilih calon. Calon yang mengutamakan rakyat, bersih dari amalan rasuah, mesra rakyat dan mudah dihubungi serta berupaya menunaikan janji berpotensi untuk dipilih sebagai pemimpin. Oleh itu, calon yang bertanding di parlimen ini perlu *visible* kepada pengundi menerusi penggunaan platform media sosial kerana kebanyakan pengundi mendapatkan akses maklumat politik menerusi saluran ini. Selain itu, calon juga perlu mengambil inisiatif yang efektif bagi menyelesaikan isu tempatan dengan pantas terutamanya isu kenaikan harga barangan dan kos pertanian yang membebankan para petani di Perlis. Ini kerana sektor ekonomi utama yang menyumbang kepada pembangunan Perlis ialah sektor pertanian dan perikanan. Calon yang boleh menekankan tentang pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, sistem perparitan dan fasiliti awam dalam manifesto mereka adalah calon yang akan dipertimbangkan untuk dipilih pada pilihan raya akan datang. Jika pendekatan dan strategi-strategi ini diambil lebih awal sebelum berlangsungnya pilihan raya, calon mempunyai potensi tinggi

untuk dipilih oleh pengundi Kangar. Ini menunjukkan bahawa pengundi di Perlis, khususnya di Kangar menunjukkan kecenderungan untuk memilih parti politik berdasarkan pilihan rasional di mana mereka membuat pertimbangan manfaat dan kepentingan yang akan diperolehi sebelum memilih calon atau mengundi sesebuah parti politik.

Penghasilan kajian ini memberikan sumbangan besar kepada pelbagai pihak. Pertama, kajian ini boleh menjadi panduan dan hala tuju kepada parti politik dan calon pemimpin yang akan bertanding di Perlis pada pilihan raya akan datang. Oleh itu, tindakan segera boleh diambil bagi merangka strategi yang sesuai dan selari dengan hasrat pengundi Perlis. Kedua, sumbangan dalam aspek pembangunan masyarakat di Perlis juga amat penting kerana kajian ini mendedahkan tentang keinginan dan keutamaan yang diperlukan oleh pengundi di Perlis pada waktu ini iaitu pembangunan dan kemajuan sosioekonomi. Kegagalan memahami keperluan pengundi di Perlis, bukan hanya menyebabkan calon atau parti politik kehilangan sokongan pengundi, malah boleh menyumbang kepada ketidakstabilan politik dan kemerosotan ekonomi. Walau bagaimanapun, kajian yang dilaksanakan ini hanya tertumpu kepada pengundi di Kangar dan Perlis sahaja dan sukar digeneralisasikan kepada pengundi di kawasan lain. Oleh itu, kajian lanjutan boleh meluaskan skop dan skalanya dengan meliputi seluruh Malaysia atau parlimen tertentu yang menarik untuk dikaji. Selain itu, kajian akan datang juga boleh memfokuskan kepada kecenderungan pengundi muda di Perlis. Ini kerana pengundi muda (18 ke 30 tahun) di Perlis merupakan antara kelompok pengundi terbesar dalam keseluruhan jumlah pengundi iaitu seramai 53,203 (28%) daripada 195,927. Hal ini menjadikan undi mereka sangat signifikan dan menentukan lanskap politik di Perlis. Selain itu, kajian akan datang juga boleh mengaplikasikan pendekatan metodologi yang berbeza dengan kajian ini iaitu menggunakan kaedah kualitatif atau campuran untuk memberikan gambaran yang lebih mendalam dan terperinci tentang kecenderungan politik pengundi di negeri ini.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan dari Geran Swasta (Kod: 2022-0115-106-29) yang bertajuk *Pola Pengundian Pengundi Parlimen Kangar*.

RUJUKAN

- Affendi, R. K. (2023). Kecenderungan pengundi muda: Kajian kes negeri Perlis. *Tesis Sarjana*, Universiti Utara Malaysia.
- Azman, M., Mohd Fuad, M. J., & Junaidi, A. B. (2016). Tingkah laku pengundi dan faktor kejayaan Barisan Nasional: Kajian kes FELDA Kuala Krau. *GEOGRAFIA: Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (9), 126-137.
- Bahagian Perancang Ekonomi Perlis. (2022). *General figure*. <https://www.perlis.gov.my/investment/index.php/about-perlis-menu/general-figure>
- Berita Harian. (2022, 13 Ogos). 7.8 juta pengundi baharu pada PRU-15. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/988119/78-juta-pengundi-baharu-pada-pru-15>

- Berita Harian. (2022, 20 November). PRU15: Shahidan pencetus gelombang kemenangan PN di Perlis. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028889/pru15-shahidan-pencetus-gelombang-kemenangan-pn-di-perlis>.
- Fairuz, R., Nurmunirah, A., & Ruqaiyah, A. R. (2023). Pengaruh TikTok terhadap mahasiswa Malaysia dalam Pilihan Raya Umum-15 (PRU 15). *Borneo Akademika*, 7 (2), 59-69.
- Farthing R (2010) The politics of youthful antipolitics: Representing the 'issue' of youth participation. *Journal of Youth Studies*, 13(2), 181–195.
- Ilyas, A. (2022). Politik pembangunan di Terengganu (1999-2013). *Journal of Administrative Science*, 19(1), 340-352.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Poket Stats Negeri Perlis. Putrajaya: DOSM.
- Jamaie, H., Faris Afiq Ikhwan, S., Muhammad Suhaimi, Abdul Rahman, Mahfudzah, M., Russli, K., Muhammad Nadzri, M. N. (2014). Ikhtisar analisis Pilihan Raya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia. *GEOGRAFI: Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (4), 39-53.
- Junaidi, A. B. (2018). Analisis geografi pilihan raya negeri Perlis Indera Kayangan, Malaysia. *GEOGRAFI*, 6(1), 71-80.
- Junaidi, A. B. (2022). INTERACTIVE: In GE15s battle for rural seats, here is what you need to know. The Star Online. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/11/16/interactive-in-ge15s-battle-for-rural-seats-here-is-what-you-need-to-know>. 16 November.
- Junaidi, A. B., Mohd Fuad, M. J., Yahaya, I., Novel, L., Khaidzir, H. I., Noor Aziah, M. A., Jeniri, A., Ahi, S., Rosmadi, F., & Amer Saifude, G. (2012). Kriteria pemilihan calon dan parti dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(4), 44-55.
- Junaidi, A.B. (2020). Analisis geografi politik dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjong Piai, Johor. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5(20), 14-56.
- Kessler, C. S. (2000). *UMNO's Malays dilemma*. Canberra: Australian National University.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Landell, K. (1977). *Management by menu*. London: Wiley and Sons.
- Mohammad Tawfik, Y. (2019). Isu-isu dominan dalam kalangan pengundi Melayu dalam kempen PRK DUN Semenyih. Dlm. *Forum Pasca PRK DUN Semenyih: Biduk Lalu, Kiangb Bertaut*. Dewan Semarak, Akedemi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Amirul Ariff, L. A. (2002). Pilihan Raya Kecil DUN Indera Kayangan 2002: Analisis isu, kempen dan pola pengundian. *Latihan Ilmiah*. Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Azmir, M. N., & Afi Roshezry, A.B. (2022). Undi 18, dinamika Politik dan keselamatan negara: Analisis daripada Pilihan Raya Negeri Johor 2022. *Journal of Public Security and Safety*, 14(2), 1-14.
- Mohd Faizal, K (2024). Social media as an online public sphere: A study among the first-time Malay voters. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 42 (2), 29–50. DOI 10.21315/km2024.42.2.2.
- Mohd Fuad, M.J., Junaidi, A.B., Abdul Halim, S., Yahaya, I., Noor Aziah, M. A., & Khaidzir, I. (2012). Politik pembangunan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak. *GEOGRAFI: Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (2), 88-97.

- Nazni, N., Mohd Zool, H., Zaherawati., Zaliha., Mohd Rizaimy., Hadzli, I., Jennifah, N., & Syazliiyati, I. (2010) Malaysian young voters' voices in the new political landscape. *Canadian Social Science*, 6(4), 184-193.
- Noriza, N., & Normah, M. (2023). Pengaruh literasi media dalam meningkatkan penyertaan politik pengundi muda semasa PRU 15. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 26 (1), 35-58. DOI: 10.22452/jpmm.vol26no1.3.
- Norris, P., & Inglehart, R. (2019). Cultural backlash: Trump, Brexit and authoritarian populism. New York: Cambridge University Press.
- Pandian, S. (2014). University students and voting behavior in general elections: Perceptions on Malaysian political parties' leadership. *Asian Social Science*, 10 (18), 225-231.
- Rashila, R. (2002). Perkembangan teoritis hubungan antarabangsa dalam era global. Dalam Ghazali Mayudin (pnyt.). *Politik Malaysia perspektif teori dan praktik*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.
- Siti Nurshahidah, S. A., Normah, M., & Mohd Nor Shahizan, A. (2024). Peranan media dalam membentuk struktur pengetahuan politik: Pengundi muda baharu di Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 21 (2), 139-152. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2102.13>.
- Suffian, M., Rosmadi, F., Mohammad Redzuan, O., Amer Saifude, G. & Zulkanain, A.R. (2013). *Pilihan raya kecil Parlimen Sibul, Sarawak 2010*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL).
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2022). *Semakan keputusan PRU ke 15*. <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru>.
- Utiti, C. (2024). 2024 tempoh mencabar ekonomi negara dan rakyat. <https://www.upm.edu.my/artikel>
- Yazid, S., Siti Noranizahhafizah, B., Hanifah, M., Mohmadisa, H., Nasir, N., Saiyidatina Balkhis, N., & Samsudin, S. (2020). Pola sokongan pengundi muda sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia. *GEOGRAFIA: Malaysian Journal of Society and Space*, 16(1), 80-94.
- Zubaidah, A. B. (2009, 23 Januari). Power to Rule in the Hands of Young Voters. *New Straits Times*, 16.

Norhafiza Mohd Hed (Penulis koresponden)
Felo Pelawat, Southeast Asia Program,
Cornell University,
Ithaca, New York, United States
&
Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Malaysia,
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjung Malim, Perak, Malaysia
Emel: norhafiza@fsk.upsi.edu.my

Siti Noranizahhafizah Boyman
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Malaysia
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim, Perak, Malaysia
Emel: noranizah@fsk.upsi.edu.my

Nurul Firdauz Abd Rahman
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Malaysia
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim, Perak, Malaysia
Emel: firdauz@fsk.upsi.edu.my

Noor Hadzlida Ayob
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Malaysia
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim, Perak, Malaysia
Emel: hadzlida@fsk.upsi.edu.my